

Sanggup sembunyi penyakit demi tugas

BH- 16/6/2007

DATUK Seri Najib Razak sebak dan menitikkan air mata ketika menceritakan kisah perjalanan dan perjuangan hidup bapanya, Tun Abdul Razak Hussein yang kuat bekerja demi rakyat, bangsa dan agama sehingga sanggup menyembunyikan penyakit leukemia yang dideritai hingga saat akhir hidupnya.

Sambil membuka cermin mata untuk menyapu air mata, beliau memberitahu Tun Razak seorang insan begitu rapat dengannya kembali ke pangkuan Ilahi pada 14 Januari 1976 ketika berumur 54 tahun.

Katanya, Tun Razak sudah mengetahui beliau menghidap leukemia sejak 1969, tetapi merahsiakannya daripada pengetahuan bondanya, Tun Rahah Noah dan semua anak sehingga menghembuskan nafas terakhirnya.

"Allahyarham Tun Razak mengejar masa rupanya, tidak mahu kesihatan menjadi penghalang, untuk membina agama, bangsa dan negara yang kita kasihi.

"Beliau pernah dinasihat rakan rapat dan anggota Parlimen agar bercuti apabila melihat keadaannya uzur tetapi Tun Razak menjawab:

"Bagaimana saya nak berehat, banyak kerja yang belum selesai."

Berucap merasmikan Seminar Legasi Tun Razak Kepada Pembangunan Negara anjuran Akademi Pemuda Umno dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak itu, di sini, semalam, Najib mengajak semua rakyat berdoa agar segala usaha Tun Razak untuk negara ini sentiasa diberkati Allah SWT sebagai amal saleh dilimpahi rahmat berpanjangan.

Selepas berjaya mengawal emosinya, Najib merumuskan warisan dan wawasan Tun Razak dalam sebuah sajak bertajuk *Warisan Wawasan Negara* untuk direnungkan semua rakyat.

Selesai saja ucapannya, penganjur menayangkan video yang memaparkan perjuangan Tun Razak dalam Umno serta negara yang menyebabkan Najib kembali sebak. Turut berkongsi kesedihan beliau ialah Ketua Pemuda Umno yang juga Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Naib Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin.

Sementara itu, Tun Rahah dalam komentar mengenai Allahyarham Tun Razak yang disiarkan menerusi video berkata, suaminya banyak menumpukan usaha dan pemikirannya untuk mencapai kemerdekaan negara bersama Almarhum Tunku Abdul Rahman dan rakan.